

**KERAJAAN MALAYSIA
NOTIS PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui pra-kelayakan untuk

MEREKA BENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 200 UNIT RUMAH PANGSAPURI BERBILANG TINGKAT (LIF) DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROJEK PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) DENGKIL, SELANGOR. (KPKT/BPJ/UB/T/8/2026)

2. **Keterangan Am Kerja**

Lokasi tapak bina terletak di **Dengkil, Selangor.**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi

Merancang, mereka bentuk, membina dan menyiapkan 200 unit rumah pangsa berbilang tingkat (lif) beserta kemudahan-kemudahan asas seperti ruang komuniti (urbanice) surau, tadika, taska, kedai, gerai, bangunan utiliti/ansilari, landskap, kawasan lapang, kemudahan infrastruktur serta pengurusan projek dan penyeliaan tapak (kerja awalan termasuk ukur tanah, penyiasatan tanah dan lain-lain).

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **April** tahun **2027** dan tempoh penyediaan adalah **36 bulan**.

3. **Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan**

Permohonan Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

i) Pendaftaran Kontraktor

- (a) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut:

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan;

atau

Pusat Kontraktor Negeri Sabah (PUKONSA) dengan Kelas, Tajuk dan Tajuk Kecil yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh CIDB;

atau

Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dengan Kelas, Kepala dan Sub-kepala yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh CIDB.

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan (samb.)

Permohonan Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

i) Pendaftaran Kontraktor

- (b) Jenis Pendaftaran : Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan atau syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia atau Syarikat usahasama dengan pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49%.
- (c) Taraf Tender : Terbuka
- (d) Gred / Kelas, Kategori / Tajuk / Kepala dan Pengkhususan / Tajuk Kecil / Sub-Kepala:
 - Gred/Kelas : G7 (CIDB) atau Kelas A (PUKONSA/UPKJ)
 - Kategori/Tajuk/
Kepala : B (Bangunan) (CIDB) atau Tajuk II
(PUKONSA) atau Kepala II (UPKJ)
 - Pengkhususan/
Tajuk Kecil/
Sub-Kepala : B01 dan B04 (CIDB) atau
Tajuk Kecil 2(a) dan 4 (PUKONSA) atau
Sub-Kepala 2a dan 2b (UPKJ)
- (e) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB, PUKONSA/UPKJ dan BPKU dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai pra-kelayakan ini.
- (f) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan CIDB atau pendaftaran kontraktor dengan PUKONSA/UPKJ hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup pra-kelayakan.
- (g) Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) berstatus patuh dan masih sah dalam tempoh tahun semasa.
- (h) Kontraktor diwajibkan untuk melaksanakan pengisytiharan Pemunya Benefisial (Beneficial Owners-BO) dengan mengemukakan Borang Pengisytiharan BO.
- (i) Kontraktor diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA).

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan (samb.)

ii) Keupayaan Kewangan

'**Nett Worth**' melebihi **RM4,384,666.67** dan bernilai melebihi 20% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja di mana 'Nett Worth' adalah perbezaan positif di antara Harta Tetap dan Tanggungan Tetap syarikat; atau

'**Modal Pusingan**' (working capital) melebihi **RM2,192,333.33** dan bernilai melebihi 10% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja dimana 'Modal Pusingan' adalah perbezaan positif di antara Harta Semasa dan Tanggungan Semasa syarikat; atau

'**Modal Mudah Cair**' melebihi **RM657,00.00** dan bernilai 3% dari Nilai Anggaran Kos Projek di mana 'Modal Mudah Cair' adalah purata nilai positif wang dalam tempoh 3 bulan, nilai saham, pinjaman dan nilai positif overdraf; atau

'**Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi**' yang disediakan dalam tempoh 5 tahun hendaklah melebihi 30% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja iaitu bernilai **RM6,577,000.00**.

4. Taklimat Pra-Kelayakan

- a) Taklimat Pra-Kelayakan adalah **DIGALAKKAN** kepada semua petender. Hanya PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) / Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / PUKONSA / UPKJ yang boleh hadir ke taklimat Pra-Kelayakan. Petender yang menyertai taklimat Pra-Kelayakan akan direkodkan semasa pendaftaran bagi tujuan pembelian dokumen Pra-Kelayakan.

Tarikh dan Tempat Taklimat Pra-Kelayakan

1 September 2026 (Selasa)
Bilik Media, Aras 1
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan
Putrajaya.

Waktu

10:00 Pagi – 11.30 Pagi

4. Taklimat Pra-Kelayakan (samb.)

- b) Sekiranya petender tidak menghadiri taklimat tender Pra-Kelayakan, petender yang berminat boleh mendaftar secara atas talian dengan menghubungi pegawai dan menghantar permohonan rasmi melalui emel seperti berikut:

- i) nurliyananasir@kpkt.gov.my (03-88913787)
- ii) msapawi@kpkt.gov.my (03-88913749)

Petender perlu menyatakan nama syarikat, nama pegawai syarikat, alamat emel rasmi syarikat dan nombor telefon syarikat beserta dokumen berkaitan seperti tertera di para 4.(a). Pendaftaran bermula **dari 2 September 2026 sehingga 9 September 2026**.

5. Pembayaran Dokumen Pra-Kelayakan secara tanpa tunai (iPayment)

Petender hendaklah mengambil perhatian bahawa proses pembelian dokumen bagi Petender yang telah mendaftar secara atas talian seperti di para 4.(a) dan 4.(b) akan menerima pengesahan melalui emel yang mengandungi maklumat seperti berikut:

- a) Petender akan mula menerima pemberitahuan melalui emel pada bermula dari **10 September 2026** sehingga **15 September 2026**.
- b) Petender akan menerima maklumat pembayaran yang mengandungi maklumat *QR Code* untuk pendaftaran dan pembayaran melalui iPayment.
- c) Petender hendaklah mengambil perhatian bahawa proses pembelian dokumen pra-kelayakan adalah dengan menggunakan sepenuhnya iPayment.
- d) Waktu jualan dokumen pra-kelayakan adalah seperti berikut :

Tarikh

16 September 2026 sehingga 18 september 2026

- e) Harga dokumen ialah **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)**.

6. Penerimaan Dokumen Pra-Kelayakan melalui emel

- a) Setelah pembayaran dibuat, petender akan menerima resit iPayment atas nama petender dan petender hendaklah mengemukakan resit bayaran tersebut kepada pegawai seperti senarai di atas para 4.(b).
- b) Petender akan diberi pautan bagi memuat turun dokumen Pra-Kelayakan secara Salinan lembut (*softcopy*) setelah pembayaran dibuat oleh Petender. Petender hendaklah memastikan semua dokumen yang dimuat turun adalah sebagaimana yang telah disenaraikan dalam semakan kandungan dokumen Pra-Kelayakan.

6. **Penerimaan Dokumen Pra-Kelayakan melalui emel (samb.)**

- c) Petender bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen Pra-Kelayakan yang dimuat turun adalah lengkap. Adalah menjadi tanggungjawab Petender untuk merujuk kepada pejabat yang mengeluarkan dokumen pra-kelayakan supaya pembetulan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.
- d) Kerajaan tidak akan bertanggungjawab sekiranya Petender cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen-dokumen pendaftaran dan resit pembayaran yang dimuat naik, dokumen yang perlu dimuat turun, dokumen-dokumen **WAJIB** untuk penyerahan tender Pra-Kelayakan dan sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.

7. **Penyerahan Dokumen Pra-Kelayakan**

Penghantaran dokumen adalah secara **Salinan Fizikal (Harcopy)** dan dokumen Pra-Kelayakan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam peti/bilik tender di alamat/pejabat seperti berikut:

Tarikh

13 Oktober 2026 (Selasa)

Masa

Sebelum 12.00 Tengah Hari

Tempat

Aras 7, Unit Kontrak dan Ukur Bahan,
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.